

REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)
14 OGOS 2025
MDT 12/1/18 JLD VII (113)

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN TAPAK KARAVAN
DI TAMAN AWAM & REKREASI TANJUNG AGAS**

1. PENGENALAN

- 1.1) Majlis Daerah Tangkak (MDT) mempelawa cadangan daripada syarikat yang berkeelayakan untuk membangun, mengurus dan menyelenggara Tapak Karavan di kawasan Taman Awam dan Rekreasi Tanjung Agas, sebagai salah satu inisiatif memperkasa sektor pelancongan dan riadah di daerah Tangkak.
- 1.2) Kawasan tersebut merupakan sebuah kawasan tumpuan riadah orang awam terutamanya pada hari minggu.
- 1.3) Fasiliti sedia ada di tapak karavan tersebut adalah sumber paip air, 'electric supply', taman permainan awam, dan tapak parkir.

2. OBJEKTIF

- 2.1) Menjadikan Taman Awam dan Rekreasi Tanjung Agas sebagai destinasi pelancongan mesra keluarga dan karavan.
- 2.2) Menarik pelancong domestik dan antarabangsa dengan fasiliti karavan yang moden dan selamat.
- 2.3) Menyediakan kemudahan berasaskan konsep "eco-tourism" dan "family recreational park".

3. SKOP CADANGAN

Cadangan hendaklah merangkumi:

- 3.1) Reka bentuk tapak karavan (infrastruktur asas: sambungan elektrik, air, sisa kumbahan).
- 3.2) Kemudahan tambahan seperti pondok rehat, dan pencahayaan.
- 3.3) Model pengurusan, penyelenggaraan dan keselamatan tapak.
- 3.4) Pelan pemasaran dan promosi.
- 3.5) Anggaran kos dan sumber pembiayaan.

4. LOKASI CADANGAN

Tapak dicadangkan terletak di zon rekreasi barat Taman Awam & Rekreasi Tanjung Agas, berhampiran laluan masuk utama dan kawasan landskap sedia ada.



Saiz Kawasan: 52 m x 11m

5. KELAYAKAN SYARIKAT

Syarikat mesti memenuhi syarat berikut:

- 5.1) Berdaftar dengan SSM dan/atau CIDB.
- 5.2) Mempunyai pengalaman dalam bidang pelancongan, pengurusan tapak perkhemahan atau hospitaliti.
- 5.3) Kemampuan kewangan untuk pembangunan dan operasi.
- 5.4) Sijil-sijil kompetensi berkaitan yang sah

6. TEMPOH KONSESI

Cadangan boleh dikemukakan dalam bentuk sewaan bagi **tempoh 3 tahun** tertakluk kepada semakan dan penilaian MDT.

7. DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN

- 7.1) Profil syarikat dan pengalaman terdahulu.
- 7.2) Pelan Perancangan Perniagaan
- 7.3) Pelan Strategi Pemasaran
- 7.4) Cadangan teknikal dan pelan reka bentuk.
- 7.5) Pelan kewangan dan model keuntungan.
- 7.6) Bukti sokongan kewangan (jika ada).
- 7.7) Akuan pematuhan kepada garis panduan PBT.
- 7.8) Pengalaman berkaitan di tempat lain.

8. TARIKH TUTUP PENYERAHAN

Semua cadangan hendaklah dihantar dalam dua (2) salinan bercetak dan satu (1) salinan digital (PDF) ke pejabat Majlis Daerah Tangkak selewat-lewatnya pada:

[Tarikh: 15 September 2025, jam 12.00 tengah hari]

9. PERTANYAAN LANJUT

Sebarang pertanyaan berkenaan RFP ini boleh diajukan kepada:

Jabatan Pembangunan Masyarakat,

Majlis Daerah Tangkak

Tel: 06-978 8116 / Emel: jjpm@mdtangkak.gov.my